

02 DEC 1998

Dewan-Terengganu (Gulung)

MENTERI BESAR BIDAS PEMBANGKANG TUDUH KERAJAAN TIDAK ADIL

KUALA TERENGGANU, 2 Dis (Bernama) -- Semasa persidangan Dewan Undangan Negeri hari ini, Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad membidas tuduhan pembangkang, Wan Mutalib Embong (PAS-Batu Buruk) yang menyatakan kerajaan adalah "thagut" dan tidak adil.

Beliau yang menggulung perbahasan Belanjawan Tahun 1999 itu berkata kerajaan Barisan Nasional (BN) sentiasa menjalankan tanggungjawabnya terhadap semua rakyat tanpa mengira sama ada mereka dari BN atau pembangkang, ini menunjukkan kerajaan adalah bersikap adil.

"Saya sudah 10 tahun dengar pembangkang menyatakan kerajaan BN tidak adil, tetapi mereka tetap menerima hasil nikmat yang diberikan oleh kerajaan BN, sejak dari dahulu lagi," katanya.

Wan Mokhtar juga menunjukkan beberapa bukti yang menunjukkan kerajaan BN bersikap adil, seperti peluang persekolahan yang dinikmati semua rakyat.

Selain itu, kemudahan asas, infrastruktur, biasiswa dan pinjaman untuk melanjutkan pelajaran, yang turut dinikmati oleh anak-anak para anggota pembangkang.

"Malah belanja persediaan hari raya sebanyak RM3,000 kepada semua wakil rakyat diberikan oleh kerajaan dan ini juga diterima oleh wakil dari parti pembangkang," katanya.

Menurut Wan Mokhtar tanggungjawab yang dipikul kerajaan dilaksanakan dengan baik dan hanya Allah sahaja yang boleh memberikan pembalasannya, sebaliknya pihak pembangkang hanya melihat dari segi yang buruk sahaja.

"Apakah semua yang dilakukan oleh kerajaan buruk belaka?" tanyanya.

Menteri Besar itu juga mendedahkan pihak pembangkang sendiri sanggup melakukan pembohongan semata-mata untuk mengaut undi sewaktu pilihan raya.

Beliau mengambil contoh, pemimpin PAS Kelantan pernah menyatakan Perdana Menteri (PM) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ada mengugut kerajaan negeri itu untuk mengambil tindakan sekiranya hukum hudud dilaksanakan di negeri tersebut.

"Sedangkan surat PM menyatakan kerajaan Malaysia yang sentiasa mengikut ajaran Islam tidak membenarkan Kerajaan PAS di Kelantan menjalankan perkara yang bercanggah dengan prinsip keadilan Islam, dan jika melanggarnya ia akan diambil tindakan...bukannya mengugut mereka," katanya.

Di samping itu, Wan Mokhtar juga mendedahkan sebuah buku yang ditulis oleh bekas anggota PAS Ustaz Omar Khalid yang menyatakan sikap tidak amanah yang berlaku dalam kepimpinan PAS sendiri.

Beliau berkata Omar di dalam bukunya bertajuk "Parti Islam Antara Realiti dan Fantasi" mendedahkan wang tabung Dana Jihad PAS yang dikumpulkan semasa mereka mengadakan ceramah-ceramahnya tidak diketahui ke mana ia dibelanjakan, kerana tiada penyata yang dikeluarkan.

"Dalam buku itu juga, terdapat pengakuan daripada Ustaz Omar sendiri yang dia mendapat arahan daripada pemimpin PAS Terengganu -- sewaktu itu dia berada dalam PAS Besut -- untuk tidak memberi zakat fitrah kepada amil-amil BN kerana didakwa tidak sah...siapa yang menentukan hukum sah dan tidak sah ini?" katanya.

Beliau berkata, Ustaz Omar sendiri telah mencabar pemimpin-pemimpin PAS supaya membawanya ke mahkamah sekiranya tidak berpuas hati dengan tulisannya itu, dan dia boleh membuktikan segala tuduhan yang dikemukakan dalam buku tersebut.

Wan Mokhtar berkata pembangkang sepatutnya tidak mengelirukan pemikiran rakyat, dan kerajaan BN melaksanakan sesuatu perkara secara berperingkat.

"Kita cuba menerangkan terlebih dahulu kepada masyarakat sebelum membuat sesuatu hukum, sekiranya pihak pembangkang memberi kerjasama usaha itu akan menjadi lebih mudah," katanya.

Beliau berkata pembangkang sepatutnya bersyukur hidup di negara ini, malah kerajaan sedang berusaha mengatasi masalah kegawatan ekonomi dan langkah yang dilaksanakan kerajaan dipuji dan diikuti oleh negara-negara lain.

Terdahulu, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama dan Adat Istiadat negeri Datuk Dr Mohd Yusof Nor berkata, pendekatan kesederhanaan oleh UMNO dan kerajaan BN telah mula mendapat perhatian dan pengiktirafan daripada negara-negara lain.

Beliau berkata pengorbanan yang dilakukan oleh pemimpin negara adalah semata-mata untuk menjaga kepentingan rakyat dan memastikan pendapatan negara dapat diagihkan dengan sempurna.

"Malah krisis dalaman UMNO tidak perlu dilihat sebagai satu yang buruk kerana kadangkala perbezaan pendapat membawa kepada perubahan dan kejayaan...malah krisis dalaman parti di negara lain lebih teruk daripada di Malaysia," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Manusia dan Pendidikan negeri Datuk Abdul Rashid Ngah sewaktu menggulung belanjawan pula berkata, jika pembangkang dan rakyat yang tidak berpuashati dengan kerajaan, dan mengatakan adanya rasuah dan sebagainya, perubahan boleh dilakukan melalui pilihan raya umum, setiap lima tahun sekali.

Beliau juga tidak mengizinkan pembangkang menggunakan Dewan Undangan Negeri untuk membincangkan keputusan sesuatu mahkamah.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Sosial dan Perpaduan negeri Datuk Syed Omar Mohamad berkata pembangkang sepatutnya memberikan kerjasama untuk melaporkan setiap masalah yang dihadapi oleh rakyat kepada kerajaan.

"Bukannya di dalam ceramahnya, mencerca, mentohmah dan menfitnah kerajaan, sedangkan apa yang mereka ketahui tidak dimaklumkan kepada kerajaan," katanya.

-- BERNAMA

SBS RI